Published on *Portal Rasmi Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN)* (https://www.jpnin.gov.my)



# Sekretariat Rukun Negara (SRN)

## OBJEKTIF

Menjadi mekanisme kepada Kerajaan di peringkat IPT dalam memperkaya pengetahuan, pemahaman, penghayatan, penilaian dan pengamalan mahasiswa terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara.

Menjadikan Sekretariat Rukun Negara (SRN) sebagai `platform' berkesan untuk menyemai dan memperkukuhkan semangat patriotisme di kalangan mahasiswa.

Mewujudkan negara bangsa yang mampu bersaing dan berdiri sama tinggi di persada dunia.

Meningkatkan kesedaran khususnya di kalangan mahasiswa untuk mempraktikkan prinsip-prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian ke arah melahirkan masyarakat yang mempunyai jati diri, setia, bersepadu, berwawasan, bermaruah, bersikap terbuka dan beretika sejajar dengan wawasan negara.

## STATISTIK

**BILANGAN SEKRETARIAT RUKUN NEGARA (SRN) SEHINGGA NOVEMBER 2020**

| SRN | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 | 2020 | JUMLAH SRN (KESELURUHAN) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|

| | | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| IPT / IPTS | 3 | 13 | 2 | 3 | 4 | 5 | 5 | 5 | 1 | - | 6 | 4 | 2 | 53 |
| POLITEKNIK | - | - | 27 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 27 |
| KOLEJ MATIKULASI | - | - | 15 | - | - | - | - | - | 1 | 1 | - | - | - | 17 |
| KOLEJ KOMUNITI | - | - | 40 | - | - | - | - | - | - | 3 | 5 | 1 | - | 49 |
| IPGM | - | 27 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 27 |
| JUMLAH | 3 | 40 | 84 | 3 | 4 | 5 | 5 | 5 | 2 | 4 | 11 | 5 | - | 173 |
| PENUTUPAN SRN | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | - | 172 |
| JUMLAH KESELURUHAN SRN | 172 | | | | | | | | | | | | | |

## SENARAI NEGERI YANG TELAH MENUBUHKAN DAN MENERIMA AGIHAN PERUNTUKAN SEKRETARIAT RUKUN NEGARA (SRN) SEHINGGA NOVEMBER 2020

| BIL | NEGERI | IPT | IPTS | POLITEKNIK | KOLEJ MATRIKULASI | KOLEJ KOMUNITI | INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA (IPGM) | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | PERLIS | 2 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 7 |
| 2 | KEDAH | 2 | 2 | 2 | 4 | 6 | 2 | 18 |
| 3 | PULAU PINANG | 1 | - | 2 | 1 | 3 | 2 | 9 |
| 4 | PERAK | 1 | 2 | 2 | 1 | 6 | 1 | 13 |
| 5 | SELANGOR | 4 | 14 | 3 | 1 | 5 | 1 | 28 |
| 6 | W.P KUALA LUMPUR | 1 | 8 | - | - | - | 4 | 13 |
| 7 | NEGERI SEMBILAN | 1 | 1 | 2 | 1 | 4 | 1 | 10 |
| 8 | MELAKA | - | 2 | 2 | 1 | 4 | 1 | 10 |
| 9 | JOHOR | - | 1 | 2 | 2 | 5 | 2 | 12 |
| 10 | PAHANG | 2 | - | 2 | 2 | 5 | 1 | 12 |
| 11 | TERENGGANU | 3 | 1 | 3 | - | 1 | 2 | 10 |
| 12 | KELANTAN | 1 | 1 | 2 | 1 | 1 | 1 | 7 |
| 13 | SABAH | 1 | 1 | 2 | - | 4 | 4 | 12 |
| 14 | SARAWAK | - | - | 2 | 1 | 2 | 4 | 10 |
| 15 | W.P LABUAN | - | - | - | 1 | - | - | 1 |
| 16 | W.P PUTRAJAYA | - | - | - | - | - | - | - |
| | JUMLAH | 19 | 34 | 27 | 17 | 48 | 27 | 172 |



MUAT TURUN

Senarai IPTA SRN sehingga Februari 2019



STATISTIK IPTA / IPTS

[Borang Penubuhan Sekretariat Rukun Negara (SRN)]




MUAT TURUN BUKU

[Buku Panduan Pengurusan SRN di IPT]

- Cara Permohonan
- Soalan Lazim

## PROSEDUR DAN FORMAT PENUBUHAN SEKRETARIAT RUKUN NEGARA

1. Timbalan Naib Canselor/Timbalan Rektor/Timbalan Presiden / Dekan/Pengarah (HEPA) hendaklah melantik Jawatankuasa Penaja di peringkat IPT masing-masing.
2. Jawatankuasa Penaja tersebut hendaklah mengemukakan satu permohonan penubuhan Sekretariat Rukun Negara di IPT masing-masing dengan berpandukan kepada format perlembagaan seperti di ***Lampiran A.***
3. Setelah menerima kelulusan daripada pihak pengurusan IPT masing-masing, HEPA akan melantik Penyelaras, Penasihat dan Majlis Tertinggi Sekretariat Rukun Negara.

### JAWATANKUASA PERINGKAT IPT

Keanggotaan Jawatankuasa Sekretariat Rukun Negara di peringkat IPT adalah seperti berikut:

| BIL | JAWATAN | KOSONG | PEGAWAI |
|---|---|---|---|
| (a) | Penaung | **-** | Timbalan Naib Canselor/Timbalan Rektor/Timbalan Presiden/Dekan/Pengarah (HEPA) |
| (b) | Penasihat | **-** | Pegawai Universiti |
| (c) | Penyelaras | **-** | Pegawai HEP |
| (d) | Presiden | - | Seorang Mahasiswa |
| (e) | Timbalan Presiden | - | Seorang Mahasiswa |
| (f) | Setiausaha Kehormat | - | Seorang Mahasiswa |
| (g) | Penolong Setiausaha Kehormat | - | Seorang Mahasiswa |
| (h) | Bendahari Kehormat | - | Seorang Mahasiswa |
| (i) | Exco | - | Lima orang Exco (berdasarkan 5 prinsip Rukun Negara) |
| (j) | Juru Audit Kehormat | **-** | Dua orang mahasiswa |

- Jawatan Presiden, Timbalan Presiden, Setiausaha Kehormat, Penolong Setiausaha Kehormat, Bendahari Kehormat dan Lima Exco adalah Jawatankuasa Eksekutif yang dilantik oleh pihak Hal

Ehwal Pelajar.

- Pelantikan Jawatankuasa mestilah terdiri daripada **berbilang kaum** kecuali bagi IPT yang mahasiswanya terdiri daripada satu kaum sahaja.

**CARA PERMOHONAN**

1. Majlis Tertinggi Sekretariat Rukun Negara ini perlu memanggil satu Mesyuarat Agung Tahunan untuk memperkenalkan Jawatankuasa baru serta berbincang mengenai pengurusan sekretariat.
2. Jawatankuasa Sekretariat Rukun Negara hendaklah mengemukakan secara bertulis kepada Timbalan Naib Canselor/Timbalan Rektor/Timbalan Presiden/Dekan/ Pengarah (HEPA) dalam tempoh **14 hari selepas Mesyuarat Agung Tahunan** laporan-laporan berikut:-
    - Perlembagaan Sekretariat Rukun Negara
    - Senarai Ahli Jawatankuasa
    - Perancangan Aktiviti
    - Senarai Keahlian
    - Laporan Kewangan
3. Jawatankuasa Sekretariat Rukun Negara perlu mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan sekurang-kurangnya **sekali dalam dua sesi pengajian**.

## S: Berapakah jumlah geran pelancaran Sekretariat Rukun Negara yang diberikan kepada setiap universiti yang dipilih menjadi ahli?

J: RM3000.00

## S: Bolehkah pelajar antarabangsa menjadi ahli Sekretariat Rukun Negara?

J: Tidak boleh, ia hanya untuk warganegara Malaysia sahaja.

## S: Siapakah yang boleh dihubungi berkaitan dengan Sekretariat Rukun Negara?

J:

- En. Ariesusanto bin Ngadimin

  Emel:ariesusanto [at] perpaduan [dot] gov [dot] my

  Tel : 03-8883 7165

## S: Bilakah Sekretariat Rukun Negara ditubuhkan?

J: Ditubuhkan pada tahun 2008

## S: Adakah peruntukan geran Sekretariat Rukun Negara akan diagihkan setiap tahun?

J: Tidak. Geran pelancaran ini diberikan sekali sahaja

---